

18 APR 2002

Syria-Kejayaan/I (Bergambar)

KEJAYAAN MALAYSIA MENDAPAT PERHATIAN SYRIA, KATA DUTA

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Rakyat Syria kini lebih menyedari mengenai kejayaan Malaysia, terutama di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berikutan publisiti yang diberikan oleh media Arab.

Duta Syria di Malaysia Dr Kamal Sharaf hari ini berkata rakyat negara itu telah banyak mempelajari mengenai kejayaan Malaysia terutama dalam sektor ekonomi.

"Dasar Dr Mahathir dalam politik dan ekonomi telah mencapai banyak kejayaan. Ini membuatkan rakyat memandang tinggi terhadap beliau dan Malaysia umumnya," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan pengerusi Bernama Datuk Abdul Kadir Jasin di Wisma Bernama, di sini.

Dan terima kasih kepada minat yang ditunjukkan oleh media Arab dalam pembangunan di negara ini, Malaysia kini lebih dikenali di Asia Barat, katanya.

Bercakap melalui seorang jurubahasa, beliau berkata Malaysia juga berjaya dalam mempromosi dirinya sebagai sebuah destinasi pelancongan.

Dr Sharaf berkata negaranya berminat untuk melihat wujudnya hubungan antara pertubuhan media Syria dan Malaysia ke arah penyebaran berita yang lebih baik antara Syria dan rantau sekitarnya serta di dunia sebelah sini.

Oleh itu, katanya, Syria berminat untuk melihat bagaimana kerjasama antara Agensi Berita Arab Syria (Sana) dan Bernama boleh dimajukan dan mencadangkan satu memorandum persefahaman ditandatangani antara kedua-dua pihak.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata Bernama akan mengkaji perkara itu.

Katanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Bernama telah mewujudkan hubungan dengan sejumlah agensi berita di dunia Arab.

"Kita menganggap perjanjian kita dengan pertubuhan berita Islam atau Arab, terutama agensi berita, sebagai amat penting," katanya.

Yang turut hadir ialah Pengurus Besar Bernama Syed Jamil Syed Jaafar dan Ketua Pengarang Jaafar Hussin.

-- BERNAMA

MAM MAM JK RON